

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

PELAN TINDAKAN INISIATIF PENAMBAHBAIKAN KUALITI FARMASI (PHARMQIIS) TAHUN 2024 - 2026

PANDUAN INDIKATOR

Bahagian Dasar & Perancangan Strategik Farmasi

Program Perkhidmatan Farmasi

2025

Edisi Pertama
2025

Tidak dibenarkan mana-mana bahagian menerbitkan semula, simpan dan disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman pita atau lain-lain tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pengarah Bahagian Dasar & Perancangan Strategik Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia.

No. Dokumen Kualiti: D-GU-123

Program Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia
Lot 36, Jalan Prof Diraja Ungku Aziz,
46200 Petaling Jaya, Selangor.
Tel: 03 - 78413680
Emel: pikf_dpsf@moh.gov.my
Website: <http://www.pharmacy.gov.my/>

Tarikh Kemas Kini: 19 Jun 2025

EDITORIAL

PENASIHAT

Puan Siti Aisah Binti Bahari
Pengarah Bahagian Dasar & Perancangan Strategik Farmasi

EDITOR

Puan Nurhairani Binti Abdul Latif
Timbalan Pengarah
Cawangan Perkembangan Infrastruktur & Kualiti Farmasi
Bahagian Dasar & Perancangan Strategik Farmasi

Puan Saidatul Sheeda Binti Ahmad Shukri
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Cawangan Perkembangan Infrastruktur & Kualiti Farmasi
Bahagian Dasar & Perancangan Strategik Farmasi

DISEDIAKAN OLEH

Puan Nor Idha Liana Binti Ishak
Ketua Penolong Pengarah
Cawangan Perkembangan Infrastruktur & Kualiti Farmasi
Bahagian Dasar & Perancangan Strategik Farmasi

Puan Safiah Syakirah Binti Ali Musa
Penolong Pengarah
Cawangan Perkembangan Infrastruktur & Kualiti Farmasi
Bahagian Dasar & Perancangan Strategik Farmasi

JAWATANKUASA INISIATIF PENAMBAHBAIKAN KUALITI FARMASI KEBANGSAAN PROGRAM PERKHIDMATAN FARMASI 2024 - 2026

Low Chern Fuong Bahagian Penguatkuasaan Farmasi	Yew Poo Jing Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi
Nurul Afifah binti Osman Bahagian Lembaga Farmasi Malaysia	Hairanie binti Sa'ban Bahagian Regulatori Farmasi Negara
Tan Ai Leen Hospital Kuala Lumpur	Mohd Naqib bin Zainal Abidin Institut Kanser Negara
Zahrina binti Abdul Kadir Bahagian Perkhidmatan Farmasi Jabatan Kesihatan Negeri Johor	Lee Ruen Yang Bahagian Perkhidmatan Farmasi Jabatan Kesihatan Negeri Kedah
Mohd Afiq bin Arifin Bahagian Perkhidmatan Farmasi Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan	Nor Ayuni binti Zulkefly Bahagian Perkhidmatan Farmasi Jabatan Kesihatan Negeri Melaka
Teong Seng Chew Bahagian Perkhidmatan Farmasi Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan	Muhammad Azzim bin Izuddin Bahagian Perkhidmatan Farmasi Jabatan Kesihatan Negeri Pahang
Mohd Taufik bin Abdullah Bahagian Perkhidmatan Farmasi Jabatan Kesihatan Negeri Perak	Nurul Syafini binti Arbaen Bahagian Perkhidmatan Farmasi Jabatan Kesihatan Negeri Perlis
Nur Durrah binti Ismail Bahagian Perkhidmatan Farmasi Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang	Jasper Olsen Francis Bahagian Perkhidmatan Farmasi Jabatan Kesihatan Negeri Sabah
Dr. Samuel Ting Chuo Yew Bahagian Perkhidmatan Farmasi Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak	Siew Lee Jin Bahagian Perkhidmatan Farmasi Jabatan Kesihatan Negeri Selangor
Nor Samira binti Talib Bahagian Perkhidmatan Farmasi Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu	Sugendiren a/l Segeran Bahagian Perkhidmatan Farmasi Jabatan Kesihatan WP Kuala Lumpur & Putrajaya
Michelle L Tan Bahagian Perkhidmatan Farmasi Jabatan Kesihatan Negeri WP Labuan	

JADUAL PINDAAN

Tarikh berkuatkuasa	Komponen yang terlibat	Original	Pindaan
24 Oktober 2024	TS 1, Obj 1, IND 2, Sasaran	Sasaran: <i>Baseline</i> , +10%, +20%	Sasaran: Baseline, 65%,65%
24 Oktober 2024	TS 1, Obj 1, IND 3, Sasaran	Sasaran: Baseline, +10%, +20%	Sasaran: Baseline, 80%,80%
28 April 2025	TS 1, Obj 2, IND 4, Sasaran	Sasaran: Baseline, +1%, +2%	Sasaran: Baseline, 10%,10%
15 Januari 2025	TS 1, Obj 3, IND 7, Sasaran	Sasaran: 15,15,15 (kumulatif)	Sasaran: 15,19,19 (kumulatif)
24 Oktober 2024	TS 2, Obj 1, IND 11, Definisi projek hibrid	Definisi projek hibrid seperti digariskan dalam Pekeliling Transformasi Pentadbiran Awam (PTPA) Bil 1/2016	Definisi masih merujuk PTPA Bil.1/2026 dan Penambahan kriteria inklusi dan Eksklusi untuk pelaporan
28 April 2025	TS 2, Obj 2, IND 12, Sasaran	Sasaran: 2024: 95 2025: 105 2026: 115	Sasaran: 2024: 95 2025,2026: 105
24 Oktober 2024	TS 3, Obj 1, IND 15, Pernyataan indikator	Peratus pegawai di jawatan strategik (Pengaroh, TP, TPKNF, KJF, PFK, KC) menghadiri kursus <i>Leadership in Quality</i> atau seumpamanya.	Bilangan pegawai menghadiri kursus <i>Leadership in Quality</i> atau seumpamanya
24 Oktober 2024	TS 3, Obj 1, IND 15, Sasaran dan tahun pelaporan	Sasaran: 10%, 20%, 30% (Kumulatif) Numerator: Bilangan pegawai di jawatan strategik menghadiri kursus Denominator: Bilangan pegawai di jawatan strategik (n=350) Tahun Pelaporan: 2024,2025,2026	Sasaran: 2024: 10% 2025,2026: Pembangunan modul latihan dan kajian semula sasaran indikator Tahun Pelaporan: 2024
24 Oktober 2024	TS 3, Obj 1, IND 16	Bilangan latihan berkaitan pengurusan harta intelek dihadiri	Bilangan pegawai yg menghadiri latihan

PANDUAN INDIKATOR PELAN TINDAKAN PHARMQIIS 2024 - 2026

Tarikh berkuatkuasa	Komponen yang terlibat	Original	Pindaan
			berkaitan harta intelek
24 Oktober 2024	TS 3, Obj 1, IND 17, pernyataan indikator	Bilangan pegawai rujukan (<i>Champion</i>) dikenalpasti	Bilangan pegawai rujukan (<i>Champion</i>) dilantik
24 Oktober 2024	TS 3, Obj 1, IND 17, sasaran	Sasaran: 2,2,2	Sasaran: 2, 1, 1

CONTENTS

EDITORIAL	iii
JAWATANKUASA INISIATIF KUALITI FARMASI KEBANGSAAN PROGRAM PERKHIDMATAN FARMASI 2024 – 2026	iv
JADUAL PINDAAN	v
PELAN TINDAKAN INISIATIF PENAMBAHBAIKAN KUALITI FARMASI (PHARMQIIS)	1
PANDUAN PELAPORAN PELAN TINDAKAN INISIATIF PENAMBAHBAIKAN KUALITI FARMASI (PHARMQIIS)	2
RUMUSAN PELAN TINDAKAN INISIATIF PENAMBAHBAIKAN KUALITI FARMASI (PHARMQIIS)	3
JADUAL PELAN TINDAKAN PHARMQIIS TAHUN 2024 – 2026	4
SENARAI INDIKATOR DAN TAHUN PELAPORAN (2024 – 2026)	7
TS 1: Memantapkan Tadbir Urus Inisiatif Penambahbaikan Kualiti Farmasi	9
TS 2: Memperkukuh Rangkaian Komunikasi dalam Inisiatif Penambahbaikan Kualiti Farmasi	19
TS 3: Pembangunan Kapasiti dan Keupayaan yang Berkesan dalam Pelaksanaan Inisiatif Penambahbaikan Kualiti Farmasi	25

PELAN TINDAKAN INISIATIF PENAMBAHBAIKAN KUALITI FARMASI (PHARMQIIS)

Pelan Tindakan Inisiatif Penambahbaikan Kualiti Farmasi (*Pharmacy Quality Improvement Initiatives*, PharmQIIs) ini telah dibangunkan berdasarkan polisi dokumen *National Policy for Quality in Healthcare* (NPQH) dan dibincangkan secara terperinci di peringkat Jawatankuasa Inisiatif Penambahbaikan Kualiti Farmasi Kebangsaan semasa bengkel pemantapan pada tahun 2022. Akhirnya, Pelan Tindakan ini diluluskan pada 25 Mac 2024 dan mula dipantau secara tahunan dalam talian bermula tahun 2024.

Objektif Pelan Tindakan ini adalah seperti berikut:

1. Memperkukuh pelaksanaan Inisiatif Penambahbaikan Kualiti (*Quality Improvement Initiatives*, QIIs) Farmasi selaras dengan keperluan dan dasar-dasar kebangsaan termasuk *National Policy for Quality in Healthcare (NPQH) 2022-2026*, Pelan Strategik Program Perkhidmatan Farmasi, Pelan Strategik Kementerian Kesihatan Malaysia, RMK-12 serta dasar-dasar lain yang berkaitan.
2. Menghasilkan projek-projek QIIs farmasi yang memberi impak tinggi kepada perkhidmatan kesihatan secara keseluruhan.
3. Sebagai panduan untuk meningkatkan kecekapan organisasi dalam memastikan keberkesanan penyampaian perkhidmatan farmasi berkualiti tinggi yang menyumbang kepada kesejahteraan rakyat, selaras dengan agenda kebangsaan.

PANDUAN PELAPORAN PELAN TINDAKAN INISIATIF PENAMBAHBAIKAN KUALITI FARMASI (PHARMQIIS)

1. Kaedah Pelaporan

Pelaporan Pelan Tindakan PharmQIIs dilaksanakan melalui *Google Sheet* Pelan Tindakan PharmQIIs yang disediakan oleh Cawangan Perkembangan Infrastruktur dan Kualiti Farmasi (CPIKF), Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik Farmasi (BDPSF).

2. Skop Pelaporan

Pelaporan indikator yang dipantau di bawah Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Program Perkhidmatan Farmasi dan Petunjuk Prestasi Bajet Berasaskan Outcome (OBB), hendaklah dibuat mengikut kaedah dan saluran yang telah digariskan. Indikator tersebut **tidak perlu** dilaporkan semula dalam *Google Sheet* Pelan Tindakan PharmQIIs. Indikator yang terlibat adalah seperti berikut:

- i. **Indikator 7:** Bilangan projek QIIs farmasi yang diterbitkan mengikut sasaran yang ditetapkan
- ii. **Indikator 12:** Bilangan projek QIIs farmasi yang dibentangkan di peringkat anugerah / konferens/ konvensyen


3. Tempoh Pelaporan

Pelaporan meliputi aktiviti dan status pelaksanaan bagi tempoh Januari hingga Disember tahun pelaporan semasa. Bagi aktiviti yang dilaksanakan selepas 5 November, kemas kini pelaporan hendaklah diselesaikan **selewat-lewatnya pada 15 Januari** tahun berikutnya.

4. Tanggungjawab Pelaporan

Setiap Bahagian/Negeri/Institusi bertanggungjawab memastikan pelaporan dikemaskini secara berkala dan maklumat yang dilaporkan adalah tepat, lengkap dan disokong dengan bukti pelaksanaan sekiranya diperlukan. Kegagalan membuat pelaporan boleh menjejaskan pemantauan pelaksanaan PharmQIIs di peringkat nasional.

RUMUSAN PELAN TINDAKAN INISIATIF PENAMBAHBAIKAN KUALITI FARMASI (PHARMQIIS)



TERAS STRATEGIK		OBJEKTIF/ STRATEGI	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	NPQH	PERKARA BAHARU
1	Memantapkan tadbir urus inisiatif penambahbaikan kualiti farmasi <i>Strengthening governance for pharmacy quality improvement initiatives</i>	3	7	9	SP2 SP3 SP4 SP5	Saringan projek
2	Memperkukuh rangkaian komunikasi dalam inisiatif penambahbaikan kualiti farmasi <i>Strengthening communication and engagement for pharmacy quality improvement initiatives</i>	2	3	4	SP4	Projek hibrid
3	Pembangunan kapasiti dan keupayaan yang berkesan dalam pelaksanaan inisiatif penambahbaikan kualiti farmasi <i>Building effective capacity and capability for pharmacy quality improvement initiatives</i>	2	2	7	SP3 SP5	1. <i>Leadership in quality</i> 2. Harta Intelek 3. <i>Coaching</i>
		7	12	20		

JADUAL PELAN TINDAKAN PHARMQIIS TAHUN 2024 - 2026

TERAS STRATEGIK (TS)	OBJEKTIF/ STRATEGIK (OBJ)	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	SASARAN		
				2024	2025	2026
TS 1	I. Pengukuhan struktur organisasi dalam pelaksanaan QIIs	a) Semakan berkala terma rujukan jawatankuasa tadbir urus QIIs sedia ada	1. Bilangan semakan semula Terma Rujukan mengikut tarikh surat lantikan dikeluarkan	Baseline	-	1
		b) Penyelarasan hala tuju projek QIIs dilaksanakan secara holistik	2. Peratus projek QIIs farmasi yang mendapat pengiktirafan peringkat kebangsaan dinilai untuk hala tuju	Baseline	65%*	65%*
		c) Saringan projek QIIs di peringkat kertas kerja	3. Peratus projek QIIs farmasi disaring sebelum dilaksanakan	Baseline	80%*	80%*
	II. Mengoptimumkan penggunaan sumber dalam pelaksanaan QIIs	Pemantapan aktiviti pembudayaan QIIs	4. Peratus peruntukan yang digunakan Pelan Operasi Latihan (POL) bagi aktiviti pembudayaan kualiti pada tahun semasa	Baseline	10%^	10%^
	III. Menentu ukuran Keberkesanan Pembudayaan QIIs	a) Memantapkan fasa pengembangan QIIs farmasi	5. Bilangan QIIs farmasi berimpak tinggi dibentangkan kepada pengurusan atasan	1	1	1
		b) Menerbitkan projek QIIs	6. Bilangan penerbitan jurnal PharmQIIs	1	1	1
			7. Bilangan projek QIIs farmasi yang diterbitkan mengikut sasaran yang ditetapkan	15	19#	19#

PANDUAN INDIKATOR PELAN TINDAKAN PHARMQIIS 2024 - 2026

TERAS STRATEGIK (TS)	OBJEKTIF/ STRATEGIK (OBJ)	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	SASARAN		
				2024	2025	2026
TS 1	III. Menentu ukur Keberkesanan Pembudayaan QIIs	c) Meningkatkan nilai pembudayaan kualiti melalui pengiktirafan	8.Bilangan pengiktirafan tokoh yang diberikan	-	-	5
			9.Bilangan pelaksanaan sesi aktiviti pembudayaan QIIs farmasi	1	1	1
TS 2	I. Memantapkan komunikasi / interaksi di antara inovator dengan pihak berkepentingan melalui platform / sesi libat urus yang bersesuaian	a) Melaporkan projek ke platform/sesi libat urus yang bersesuaian	10.Bilangan projek QIIs farmasi yang dibentangkan di platform bersesuaian	<i>Baseline</i>	Minimum 1 projek	Minimum 1 projek
		b) Menggalakkan pembangunan projek QIIs hibrid	11.Bilangan projek QIIs hibrid yang dilaksanakan	<i>Baseline</i>	Minimum 1 projek	Minimum 1 projek
	II. Memperkukuh perkongsian pengetahuan, <i>best</i> <i>practices</i> , & pengalaman QIIs	Meningkatkan sebaran pengetahuan, <i>best</i> <i>practices</i> , & pengalaman QIIs	12.Bilangan projek QIIs farmasi yang dibentangkan di peringkat anugerah / konferens/ konvensyen	95	105	105^
			13.Bilangan Seminar perkongsian yang dilaksanakan	1	1	1
TS 3	I. Memastikan kompetensi tenaga kerja farmasi bagi melaksanakan QIIs adalah mencukupi	Memantapkan latihan berkaitan pembudayaan kualiti	14.Bilangan anggota farmasi dilatih dalam QIIs.	<i>Baseline</i>	+5.00%	+10.00%

PANDUAN INDIKATOR PELAN TINDAKAN PHARMQIIS 2024 - 2026

TERAS STRATEGIK (TS)	OBJEKTIF/ STRATEGIK (OBJ)	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	SASARAN		
				2024	2025	2026
TS 3	I. Memastikan kompetensi tenaga kerja farmasi bagi melaksanakan QIIs adalah mencukupi	Memantapkan latihan berkaitan pembudayaan kualiti	15.Bilangan pegawai menghadiri kursus <i>Leadership in Quality</i> atau seumpamanya*	10%	-	-
			16.Bilangan pegawai menghadiri latihan berkaitan harta intelek*	1	1	1
			17.Bilangan pegawai rujukan (<i>Champion</i>) dilantik	2	1-2	1-2
	II. Memperkukuh kebolehlaksanaan bakat dalam peningkatan kualiti	Meningkatkan kebolehlaksanaan QIIs	18.Peratus fasiliti melaksanakan QIIs	70%	70%	70%
			19.Bilangan bengkel penulisan QIIs dilaksana	1	1	1
			20.Peratus Negeri/Institusi laksana sistem <i>coaching</i> dalam pelaksanaan QIIs	<i>Baseline</i>	60% / ≥ 10 negeri/ institusi laksana <i>coaching</i> *	60% / ≥ 10 negeri/ institusi laksana <i>coaching</i> *

Nota:

*Pindaan dibincangkan semasa mesyuarat Jawatankuasa Inisiatif Kualiti Farmasi Kebangsaan Bil.2/2024 (22 – 24 Oktober 2024)

^Pindaan dibincangkan semasa mesyuarat Jawatankuasa Inisiatif Kualiti Farmasi Kebangsaan Bil.1/2025 (28 April 2025)

#Sasaran mengikut penetapan KPI Pengarah DPSF tahun 2025

Pelaporan bagi IND 4 berkait dengan pelaporan IND 9, IND 14 dan IND 16

SENARAI INDIKATOR DAN TAHUN PELAPORAN (2024 - 2026)

TERAS STRATEGIK (TS)	OBJEKTIF/ STRATEGIK (OBJ)	NO.	INDIKATOR	TAHUN PELAPORAN		
				2024	2025	2026
TS 1	Obj 1	1	Bilangan semakan semula Terma Rujukan mengikut tarikh surat lantikan dikeluarkan	/	-	/
		2	Peratus projek QIIs farmasi yang mendapat pengiktirafan peringkat kebangsaan dinilai untuk hala tuju	/	/	/
		3	Peratus projek QIIs farmasi disaring sebelum dilaksanakan	/	/	/
	Obj 2	4	Peratus peruntukan yang digunakan Pelan Operasi Latihan (POL) bagi aktiviti pembudayaan kualiti pada tahun semasa	/	/	/
	Obj 3	5	Bilangan projek QIIs farmasi berimpak tinggi dibentangkan kepada pengurusan atasan	/	/	/
		6	Bilangan penerbitan jurnal PharmQIIs	/	/	/
		7	Bilangan projek QIIs farmasi yang diterbitkan mengikut sasaran yang ditetapkan	/	/	/
		8	Bilangan pengiktirafan tokoh yang diberikan	-	-	/
		9	Bilangan pelaksanaan sesi aktiviti pembudayaan QIIs farmasi	/	/	/
TS 2	Obj 1	10	Bilangan projek QIIs farmasi yang dibentangkan di platform bersesuaian	/	/	/
		11	Bilangan projek QIIs hibrid yang dilaksanakan	/	/	/
	Obj 2	12	Bilangan projek QIIs farmasi yang dibentangkan di peringkat anugerah / konferens/ konvensyen	/	/	/
		13	Bilangan Seminar perkongsian yang dilaksanakan	/	/	/

PANDUAN INDIKATOR PELAN TINDAKAN PHARMQIIS 2024 - 2026

TERAS STRATEGIK (TS)	OBJEKTIF/ STRATEGIK (OBJ)	NO.	INDIKATOR	TAHUN PELAPORAN		
				2024	2025	2026
TS 3	Obj 1	14	Bilangan anggota farmasi dilatih dalam QIIs.	/	/	/
		15	Bilangan pegawai menghadiri kursus <i>Leadership in Quality</i> atau seumpamanya	/	-	-
		16	Bilangan pegawai menghadiri latihan berkaitan harta intelek	/	/	/
		17	Bilangan pegawai rujukan (<i>Champion</i>) dilantik	/	/	/
	Obj 2	18	Peratus fasiliti melaksanakan QIIs	/	/	/
		19	Bilangan bengkel penulisan QIIs dilaksana	/	/	/
		20	Peratus Negeri/Institusi laksana sistem <i>coaching</i> dalam pelaksanaan QIIs	/	/	/

TS 1: Memantapkan Tadbir Urus Inisiatif Penambahbaikan Kualiti Farmasi

OBJEKTIF 1	Pengukuhan struktur organisasi dalam pelaksanaan QIIs
INDIKATOR 1	Bilangan semakan semula Terma Rujukan mengikut tarikh surat lantikan dikeluarkan
DEFINISI	Terma rujukan merupakan dokumen yang memperincikan objektif, skop, peranan serta tanggungjawab Jawatankuasa tadbir urus yang terlibat dalam penyelarasan dan pemantauan pelaksanaan inisiatif penambahbaikan kualiti (<i>Quality Improvement Initiatives, QIIs</i>).
KRITERIA	Inklusi: 1. Terma rujukan Jawatankuasa di peringkat kebangsaan / Bahagian / negeri / institusi 2. Terma rujukan hendaklah dikaji setiap 3 – 5 tahun Eksklusi: TB
NUMERATOR	Bilangan semakan semula Terma Rujukan mengikut tarikh surat lantikan dikeluarkan
DENOMINATOR	TB
SASARAN	2024, 2026: 1 kali per jawatankuasa
KEKERAPAN PELAPORAN	Tahunan
SUMBER DATA	1. Semua Bahagian di Program Perkhidmatan Farmasi 2. Semua negeri dan institusi
RUJUKAN	1. <i>National Policy for Quality in Healthcare</i> (2021) 2. <i>NPQH Strategic Priorities Indicators Guidebook</i> (2023 – 2026)

PANDUAN INDIKATOR PELAN TINDAKAN PHARMQIIS 2024 - 2026

OBJEKTIF 1	Pengukuhan struktur organisasi dalam pelaksanaan QIIs
INDIKATOR 2	Peratus projek QIIs farmasi yang mendapat pengiktirafan peringkat kebangsaan dinilai untuk hala tuju
DEFINISI	Penilaian: Semakan sistematik oleh Jawatankuasa Panel Penilai Inovasi Farmasi (JPPIF) terhadap projek QIIs farmasi bagi menentukan kesesuaian hala tuju pelaksanaan. Keputusan pengesyoran dimuktamadkan melalui Mesyuarat Pengurusan di peringkat Program Perkhidmatan Farmasi. Hala tuju: Keputusan pengesyoran di Mesyuarat Pengurusan PPF, bagi menetapkan tahap pelaksanaan seterusnya. Kategori pengesyoran merangkumi: 1. Perkongsian Dalam; dan 2. Perkongsian Luar; dan 3. Komersial / Paten; dan 4. Penambahbaikan; dan 5. Tiada Tindakan Susulan; dan 6. Tidak Diteruskan
KRITERIA	Inklusi: 1. Projek QIIs farmasi yang mengemukakan permohonan secara rasmi untuk penilaian pengesyoran pada tahun semasa 2. Projek QIIs farmasi menang di peringkat negeri dan telah diperluas sekurang-kurangnya di tiga (3) Pusat Tanggungjawab (PTJ) 3. Projek QIIs farmasi menang di peringkat kebangsaan dan/atau antarabangsa 4. Projek QIIs farmasi yang masih dalam tempoh pelaksanaan aktif memohon sokongan perluasan/replikasi Eksklusi: 1. Projek QIIs yang tidak melibatkan perkhidmatan farmasi secara langsung. 2. Projek QIIs farmasi yang dihentikan dan/atau tidak diteruskan sebelum proses penilaian bermula.
NUMERATOR	Bilangan projek QIIs farmasi yang dinilai
DENOMINATOR	Jumlah projek QIIs farmasi yang telah mendapat pengiktirafan di peringkat kebangsaan/antarabangsa
SASARAN	2024: <i>Baseline</i> 2025, 2026: 65%
KEKERAPAN PELAPORAN	Tahunan
SUMBER DATA	1. Bahagian Dasar & Perancangan Strategik Farmasi

RUJUKAN	TB
----------------	----

PANDUAN INDIKATOR PELAN TINDAKAN PHARMQIIS 2024 - 2026

OBJEKTIF 1	Pengukuhan struktur organisasi dalam pelaksanaan QIIs
INDIKATOR 3	Peratus projek QIIs farmasi disaring sebelum dilaksanakan
DEFINISI	Indikator bertujuan memastikan projek QIIs farmasi yang dilaksanakan adalah berkualiti, relevan, berimpak tinggi dan sejajar dengan objektif strategik organisasi melalui proses penilaian awal yang sistematik, bagi menilai kesesuaian, keberkesanan dan penggunaan sumber secara optimum serta mengelakkan pembaziran. Proses saringan merangkumi semakan terhadap objektif, justifikasi, kaedah, dan kesesuaian projek dengan keperluan fasiliti atau organisasi. Proses saringan dan penilaian awal boleh dilaksanakan oleh jawatankuasa atau pihak yang bertanggungjawab sebelum projek dilaksanakan.
KRITERIA	Inklusi: 1. Projek QIIs farmasi baharu yang dilaporkan dalam tahun semasa 2. Projek QIIs farmasi di status 1 (kertas cadangan) 3. Projek QIIs farmasi yang telah melalui saringan secara formal oleh jawatankuasa atau pegawai yang dilantik (melalui mesyuarat, sistem penilaian, atau semakan dokumen) Eksklusi: 1. Projek QIIs farmasi di status 2 (pengumpulan data), 3 (data analisis), 4 (selesai) dan 5 (batal) 2. Projek QIIs farmasi yang dilaksanakan secara tidak formal tanpa dokumentasi cadangan 3. Projek <i>ad hoc</i> atau intervensi kecil yang tidak dikategorikan sebagai QIIs rasmi 4. Projek QIIs farmasi yang telah dimulakan sebelum proses saringan dijalankan
NUMERATOR	Bilangan projek QIIs farmasi disaring sebelum dilaksana
DENOMINATOR	Bilangan projek QIIs farmasi yang didaftarkan dalam Pangkalan Data PharmQIIs 2.0 bagi tahun semasa
SASARAN	2024: <i>Baseline</i> 2025, 2026: 80%
KEKERAPAN PELAPORAN	Tahunan
SUMBER DATA	1. Bahagian Regulatori Farmasi Negara 2. Semua negeri dan institusi
RUJUKAN	TB

OBJEKTIF 2	Mengoptimumkan penggunaan sumber dalam pelaksanaan QIIs
INDIKATOR 4	Peratus peruntukan yang digunakan Pelan Operasi Latihan (POL) bagi aktiviti pembudayaan kualiti pada tahun semasa
DEFINISI	Indikator ini merujuk peratus penggunaan peruntukan yang diluluskan dan dibelanjakan khusus untuk pelaksanaan aktiviti pembudayaan inisiatif penambahbaikan kualiti (QIIs) sahaja.
KRITERIA	Inklusi: 1. Peruntukan di bawah Pelan Operasi Latihan (POL) 2. Peruntukan di bawah Belanja Mengurus (hanya peruntukan yang diperlukan berkaitan aktiviti penambahbaikan kualiti) 3. Peruntukan agensi luar bagi aktiviti pembudayaan QIIs Eksklusi: 1. TB
NUMERATOR	Peruntukan (RM) yang diagihkan untuk aktiviti pembudayaan inisiatif penambahbaikan kualiti
DENOMINATOR	Jumlah peruntukan (RM) untuk kegunaan latihan
SASARAN	2024: Baseline 2025, 2026: 10%
KEKERAPAN PELAPORAN	Tahunan
SUMBER DATA	1. Semua Bahagian di Program Perkhidmatan Farmasi 2. Semua negeri dan institusi
RUJUKAN	1. <i>National Policy for Quality in Healthcare</i> (2021) 2. <i>NPQH Strategic Priorities Indicators Guidebook</i> (2023 – 2026)

Nota:

Pelaporan bagi **IND 4** berkait dengan pelaporan **IND 9, IND 14** dan **IND 16**

OBJEKTIF 3	Menentu ukur Keberkesanan Pembudayaan QIIs
INDIKATOR 5	Bilangan QIIs farmasi berimpak tinggi dibentangkan kepada pengurusan atasan
DEFINISI	Pengurusan atasan: Pengurusan tertinggi dalam KKM (Ketua Setiausaha (KSU), termasuk TKSU Pengurusan dan/atau Ketua Pengarah Kesihatan)
KRITERIA	Inklusi: 1. Kertas Cadangan, kertas makluman, kertas dasar yang berkaitan aktiviti penambahbaikan kualiti 2. Projek QIIs farmasi menang di peringkat kebangsaan dan/atau antarabangsa yang dinilai untuk disyorkan perkongsian luaran dan komersial / paten 3. Projek QIIs farmasi yang diangkat sebagai petunjuk prestasi (KPI) di peringkat Kementerian 4. Projek QIIs farmasi berkeutamaan tinggi yang dilaksanakan oleh anggota Program Perkhidmatan Farmasi 5. Perkongsian projek QIIs farmasi sebagai <i>best practices</i> di mesyuarat yang dipengerusikan oleh pengurusan atasan Eksklusi: 1. Projek QIIs yang tidak melibatkan perkhidmatan farmasi secara langsung
NUMERATOR	Bilangan Inisiatif Penambahbaikan Kualiti Farmasi berimpak tinggi dibentangkan kepada pengurusan atasan
DENOMINATOR	TB
SASARAN	2024, 2025, 2026: 1
KEKERAPAN PELAPORAN	Tahunan
SUMBER DATA	1. Semua Bahagian di Program Perkhidmatan Farmasi
RUJUKAN	1. <i>National Policy for Quality in Healthcare</i> (2021) 2. <i>NPQH Strategic Priorities Indicators Guidebook</i> (2023 – 2026) 3. Kamus Petunjuk Prestasi Bajet berasaskan Outcome Tahun 2025

PANDUAN INDIKATOR PELAN TINDAKAN PHARMQIIS 2024 - 2026

OBJEKTIF 3	Menentu ukur Keberkesanan Pembudayaan QIIs
INDIKATOR 6	Bilangan penerbitan jurnal PharmQIIs
DEFINISI	Jurnal ini merujuk kepada <i>Journal of Pharmacy Quality Improvement Initiatives</i> (PharmQIIs) yang diterbitkan oleh Program Perkhidmatan Farmasi untuk berkongsi amalan terbaik (<i>best practice</i>) dan pengalaman anggota farmasi semasa mengendalikan QIIs seperti <i>Quality Assurance</i> (QA), Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK), Inovasi serta Lean.
KRITERIA	Inklusi: 1. Penerbitan <i>Journal of Pharmacy Quality Improvement Initiatives</i> (PharmQIIs) yang diselaraskan oleh Program Perkhidmatan Farmasi. 2. Artikel yang berkaitan dengan QIIs seperti QA, Kumpulan KIK, Inovasi, dan Lean. 3. Penerbitan dalam tahun semasa (berdasarkan tarikh penerbitan rasmi jurnal). Eksklusi: 1. TB
NUMERATOR	Bilangan penerbitan jurnal PharmQIIs
DENOMINATOR	TB
SASARAN	2024, 2025, 2026: 1
KEKERAPAN PELAPORAN	Tahunan
SUMBER DATA	1. Bahagian Dasar & Perancangan Strategik Farmasi
RUJUKAN	TB

PANDUAN INDIKATOR PELAN TINDAKAN PHARMQIIS 2024 - 2026

OBJEKTIF 3	Menentu ukur Keberkesanan Pembudayaan QIIs
INDIKATOR 7	Bilangan projek QIIs farmasi yang diterbitkan mengikut sasaran yang ditetapkan
DEFINISI	Penerbitan: Hasil inisiatif penambahbaikan kualiti farmasi yang diterbitkan dalam format penulisan yang berstruktur mengikut keperluan medium yang ingin diterbitkan (contoh: jurnal, laporan teknikal, buletin).
KRITERIA	Inklusi: - Hasil inisiatif penambahbaikan kualiti yang diterbitkan dalam format penulisan yang berstruktur mengikut keperluan medium yang ingin diterbitkan (contoh: jurnal, laporan teknikal, buletin) - Artikel penuh (<i>Full article</i>) yang menggunakan format <i>Quality Improvement Report</i> (QIR) amat digalakkan. - Inisiatif penambahbaikan kualiti yang dipantau seperti <i>Quality Assurance</i> (QA), Inovasi, Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK), audit klinikal, dan lean. Eksklusi: - Penerbitan abstrak di buku kompendium, <i>proceedings</i> atau jurnal adalah tidak diambil kira. - Laporan penuh mengikut format pertandingan tidak diambil kira.
NUMERATOR	Bilangan projek QIIs yang diterbitkan mengikut sasaran yang ditetapkan
DENOMINATOR	TB
SASARAN	2024: 15 (kumulatif) 2025, 2026: 19 (kumulatif)
KEKERAPAN PELAPORAN	Tahunan
SUMBER DATA	- Program Perkhidmatan Farmasi termasuk Bahagian Regulatori Farmasi Negara - Semua negeri dan institusi
RUJUKAN	<i>National Policy for Quality in Healthcare</i> (2021) <i>NPQH Strategic Priorities Indicators Guidebook</i> (2023 – 2026) - Kamus Petunjuk Prestasi Bajet berasaskan Outcome Tahun 2025 - Manual Petunjuk Prestasi Utama (KPI) 2025

OBJEKTIF 3	Menentu ukur Keberkesanan Pembudayaan QIIs
INDIKATOR 8	Bilangan pengiktirafan tokoh yang diberikan
DEFINISI	Tokoh merujuk kepada pengiktirafan yang diberikan kepada anggota farmasi (individu) yang aktif dalam aktiviti pembudayaan QIIs di peringkat fasiliti, negeri, kebangsaan atau antarabangsa. Pengiktirafan merujuk kepada pemberian insentif atau anugerah atau penghargaan sama ada dalam bentuk sijil, surat penghargaan atau sebarang bentuk penghargaan yang diberikan oleh; 1. Peringkat Bahagian (Pengarah); atau 2. Peringkat Program Perkhidmatan Farmasi (Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan Farmasi); atau 3. Peringkat Kementerian (Ketua Pengarah Kesihatan atau Ketua Setiausaha); atau 4. Kementerian/Agensi lain yang dikenalpasti
KRITERIA	Inklusi: 1. Pemberian anugerah hendaklah berdasarkan QIIs yang digariskan dalam NPQH Eksklusi: 1. Surat lantikan sebagai <i>trainer</i> atau pelatih 2. <i>Credentialing</i> atau Pensijilan berkaitan skop kerja rasmi
NUMERATOR	Bilangan anggota farmasi yang menerima pengiktirafan sebagai tokoh
DENOMINATOR	TB
SASARAN	2026: 5
KEKERAPAN PELAPORAN	Tahunan
SUMBER DATA	1. Program Perkhidmatan Farmasi
RUJUKAN	1. <i>National Policy for Quality in Healthcare</i> (2021) 2. <i>NPQH Strategic Priorities Indicators Guidebook</i> (2023 – 2026)

PANDUAN INDIKATOR PELAN TINDAKAN PHARMQIIS 2024 - 2026

OBJEKTIF 3	Menentu ukur Keberkesanan Pembudayaan QIIs
INDIKATOR 9	Bilangan pelaksanaan sesi aktiviti pembudayaan QIIs farmasi
DEFINISI	Pembudayaan inisiatif penambahbaikan kualiti ialah proses menerapkan pemikiran penambahbaikan kualiti (<i>Quality Improvement, QI</i>) di kalangan anggota farmasi dalam melaksanakan proses kerja bagi meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan secara berterusan.
KRITERIA	Inklusi: 1. Sesi aktiviti yang dilaksanakan termasuk dalam perancangan latihan tahunan (POL) 2. Dilaksanakan secara fizikal dan dalam talian termasuk webinar sekurang-kurangnya dalam tempoh 4 jam 3. Sesi aktiviti berkaitan QIIs seperti latihan/kursus/bengkel/seminar, slot <i>Continuing Professional Education</i> (CPE), klinik khidmat nasihat, program mentor-mentee, sesi penilaian/saringan, pertandingan dan pengiktirafan (konvensyen/konferens) 4. Sesi/aktiviti dilaksana dengan kolaborasi agensi lain Eksklusi: 1. TB
NUMERATOR	Bilangan sesi aktiviti pembudayaan inisiatif penambahbaikan kualiti farmasi dilaksana
DENOMINATOR	TB
SASARAN	2024, 2025, 2026: 1
KEKERAPAN PELAPORAN	Tahunan
SUMBER DATA	1. Semua Bahagian di Program Perkhidmatan Farmasi 2. Semua negeri dan institusi
RUJUKAN	1. <i>National Policy for Quality in Healthcare</i> (2021) 2. <i>NPQH Strategic Priorities Indicators Guidebook</i> (2023 – 2026)

Nota:

Pelaporan bagi **IND 4** berkait dengan pelaporan **IND 9, IND 14** dan **IND 16**

TS 2: Memperkukuh Rangkaian Komunikasi dalam Inisiatif Penambahbaikan Kualiti Farmasi

OBJEKTIF 1	Memantapkan komunikasi / interaksi di antara inovator dengan pihak berkepentingan melalui platform / sesi libat urus yang bersesuaian
INDIKATOR 10	Bilangan projek QIIs farmasi yang dibentangkan di platform bersesuaian
DEFINISI	Platform yang bersesuaian merujuk kepada medium rasmi yang menawarkan khidmat nasihat/penilaian teknikal/pihak berautoriti, bagi menyokong pemerkasaan pelaksanaan QIIs Pembentangan di platform ini memberi nilai tambah melalui pengesahan pakar, akses kepada peluang pembiayaan dan penskalaan projek, serta pengukuhan jaringan strategik antara sektor. Semua pembentangan hendaklah didokumenkan sebagai bukti sokongan terhadap pembangunan QIIs yang berkualiti.
KRITERIA	Inklusi: - QIIs Farmasi yang dibentangkan di platform bersesuaian di peringkat kebangsaan/kementerian/sektor adalah bertujuan untuk: - Mendapatkan khidmat nasihat / maklum balas daripada pakar bidang berkaitan - Melalui proses penilaian teknikal, termasuk tapisan awal untuk pembiayaan atau peluasan pelaksanaan - Memperoleh pensyoran rasmi, seperti cadangan pengembangan projek oleh panel yang berautoriti Contohnya: Bengkel <i>Due Diligence</i> anjuran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Eksklusi: - Pembentangan di peringkat dalaman fasiliti yang tidak melibatkan panel luar atau penilaian rasmi - Penyertaan dalam seminar, pameran, atau sesi pembentangan umum tanpa tujuan penilaian, pensyoran, atau pemurnian - Projek yang dihantar dalam bentuk dokumen tanpa sesi pembentangan lisan atau libat urus secara langsung
NUMERATOR	Bilangan projek yang dibentangkan di platform bersesuaian
DENOMINATOR	TB
SASARAN	2024: <i>Baseline</i> 2025, 2026: minimum 1 projek
KEKERAPAN PELAPORAN	Tahunan

SUMBER DATA	1. Program Perkhidmatan Farmasi 2. Dokumentasi pembentangan (surat jemputan, laporan aktiviti, slaid pembentangan, maklum balas panel), senarai penyertaan fasiliti/projek
RUJUKAN	1. <i>National Policy for Quality in Healthcare</i> (2021) 2. <i>NPQH Strategic Priorities Indicators Guidebook</i> (2023 – 2026)

PANDUAN INDIKATOR PELAN TINDAKAN PHARMQIIS 2024 - 2026

OBJEKTIF 1	Memantapkan komunikasi / interaksi di antara inovator dengan pihak berkepentingan melalui platform / sesi libat urus yang bersesuaian
INDIKATOR 11	Bilangan projek QIIs hibrid yang dilaksanakan
DEFINISI	Projek QIIs hibrid diadaptasi daripada Pekeliling Transformasi Perkhidmatan Awam (PTPA) Bil.1/2016 yang merujuk kepada ahli kumpulan projek terdiri daripada dua (2) atau lebih agensi bersilang fungsi bekerjasama untuk melaksanakan projek QIIs. Terdapat tiga (3) kategori projek hibrid iaitu; 1. Kombinasi/penggabungan sekurang-kurangnya dua (2) atau lebih Kementerian/Jabatan/Agensi/ Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri (PSUK) Negeri yang berbeza 2. Kombinasi/penggabungan sekurang-kurangnya dua (2) atau lebih Jabatan/Agensi di bawah Kementerian/PSUK yang sama 3. Kombinasi/Penggabungan ahli kumpulan daripada Kementerian/Jabatan/Agensi/PSUK Negeri dengan komuniti
KRITERIA	Inklusi: 1. Projek status 4 (selesai) yang masih aktif untuk pelaporan 2. Projek status 3 (analisa data) yang masih aktif untuk pelaporan 3. Diiktiraf atau disahkan sebagai projek hibrid oleh jawatankuasa inovasi/kualiti fasiliti/negeri/Program Eksklusi: 1. Projek dengan status 1 (kertas cadangan), 2 (pengumpulan data), atau 5 (batal) 2. Projek QIIs semata-mata tanpa pendekatan sistematik penambahbaikan proses kerja 3. Projek yang tiada dokumentasi lengkap atau tidak melalui penilaian kesesuaian sebagai projek hibrid
NUMERATOR	Bilangan projek QIIs hibrid yang dilaksanakan dalam tempoh pelaporan
DENOMINATOR	TB
SASARAN	2024: Baseline 2025, 2026: minimum 1 projek
KEKERAPAN PELAPORAN	Tahunan
SUMBER DATA	1. Semua Bahagian di Program Perkhidmatan Farmasi 2. Semua negeri dan institusi 3. Rekod pelaksanaan dan dokumentasi projek hibrid
RUJUKAN	1. Pekeliling Transformasi Perkhidmatan Awam (PTPA) Bil.1 Tahun 2016

PANDUAN INDIKATOR PELAN TINDAKAN PHARMQIIS 2024 - 2026

OBJEKTIF 2	Memperkukuh perkongsian pengetahuan, <i>best practices</i> , & pengalaman QIIs
INDIKATOR 12	Bilangan projek QIIs farmasi yang dibentangkan di peringkat anugerah / konferens/ konvensyen
DEFINISI	Pembentangan: Inisiatif penambahbaikan kualiti yang dibentangkan di platform yang dinilai oleh panel pakar atau panel penilai/hakim.
KRITERIA	Inklusi: 1. QIIs yang dibentangkan di platform yang dinilai oleh panel penilai atau hakim sama ada dalam format oral atau poster 2. QIIs yang dipantau seperti <i>Quality Assurance</i> (QA), Inovasi, Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK), audit klinikal dan lean 3. Kaedah pembentangan dipantau adalah lisan, poster dan video 4. QIIs farmasi yang dipertandingkan lebih dari sekali di platform yang berbeza Contohnya: Projek A telah dibentangkan di Anugerah Inovasi KKM, Anugerah Inovasi Negara dan <i>International Quality Creative Circle</i>. Ini akan dikira sebagai 3 pembentangan. Eksklusi: 1. Pembentangan hasil QIIs farmasi kepada pengurusan semasa mesyuarat atau sesi berunsur perkongsian adalah tidak diambil kira (contoh: <i>Continuous Medicine Education</i> (CME), seminar perkongsian) 2. QIIs yang dibentangkan dalam 2 pertandingan berbeza tetapi dianjurkan oleh Jabatan dan pada peringkat yang sama, pelaporan hanya dibuat 1 kali sahaja, mengikut pencapaian yang tertinggi, bagi peringkat berkenaan Contohnya: Projek B telah mendapat Johan bagi Anugerah Inovasi Farmasi, BPF JKN 2025 dan Tempat Ketiga bagi Anugerah Inovasi JKN 2025. Projek B boleh dilaporkan sebagai Johan bagi Anugerah Inovasi Farmasi, BPF JKN 2025.
NUMERATOR	Bilangan projek QIIs yang dibentangkan di peringkat anugerah / konferens/ konvensyen
DENOMINATOR	TB
SASARAN	2024: 95 2025, 2026: 105
KEKERAPAN PELAPORAN	Tahunan
SUMBER DATA	1. Semua Bahagian di Program Perkhidmatan Farmasi 2. Semua negeri dan institusi

RUJUKAN	1. <i>National Policy for Quality in Healthcare</i> (2021) 2. <i>NPQH Strategic Priorities Indicators Guidebook</i> (2023 – 2026) 3. Kamus Petunjuk Prestasi Bajet berasaskan Outcome Tahun 2025 4. Manual Petunjuk Prestasi Utama (KPI) 2025
----------------	---

PANDUAN INDIKATOR PELAN TINDAKAN PHARMQIIS 2024 - 2026

OBJEKTIF 2	Memperkuh perkongsian pengetahuan, <i>best practices</i> , & pengalaman QIIs
INDIKATOR 13	Bilangan Seminar perkongsian yang dilaksanakan
DEFINISI	Seminar perkongsian ini merupakan satu inisiatif perkongsian amalan praktis terbaik (<i>best practice</i>) untuk dijadikan rujukan dalam penyampaian perkhidmatan farmasi di lapangan. Seminar ini juga berfungsi sebagai satu platform bagi mengalakkan peluasan atau perkembangan sesuatu projek farmasi yang telah menerima pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan/atau antarabangsa.
KRITERIA	Inklusi: 1. Seminar yang dirancang dalam Pelan Latihan Operasi Tahunan 2. Dilaksana secara fizikal atau dalam talian sekurang-kurangnya dalam tempoh 4 jam Eksklusi: 1. TB
NUMERATOR	Bilangan Seminar perkongsian yang dilaksanakan
DENOMINATOR	TB
SASARAN	2024, 2025, 2026: 1
KEKERAPAN PELAPORAN	Tahunan
SUMBER DATA	1. Bahagian Dasar & Perancangan Strategik Farmasi
RUJUKAN	1. <i>National Policy for Quality in Healthcare</i> (2021)

TS 3: Pembangunan Kapasiti dan Keupayaan yang Berkesan dalam Pelaksanaan Inisiatif Penambahbaikan Kualiti Farmasi

OBJEKTIF 1	Memastikan kompetensi tenaga kerja farmasi bagi melaksanakan QIIs adalah mencukupi
INDIKATOR 14	Bilangan anggota farmasi dilatih dalam QIIs
DEFINISI	TB
KRITERIA	Inklusi: 1. Anggota farmasi yang menghadiri latihan berkaitan QIIs seperti dirancang dalam Pelan Operasi Latihan (POL) tahunan Eksklusi: 1. TB
NUMERATOR	Bilangan anggota farmasi dilatih dalam QIIs
DENOMINATOR	TB
SASARAN	2024: <i>Baseline</i> 2025: Kenaikkan 5% daripada <i>baseline</i> 2026: Kenaikkan 10% daripada <i>baseline</i>
KEKERAPAN PELAPORAN	Tahunan
SUMBER DATA	1. Semua Bahagian di Program Perkhidmatan Farmasi 2. Semua negeri dan institusi
RUJUKAN	1. <i>National Policy for Quality in Healthcare</i> (2021) 2. <i>NPQH Strategic Priorities Indicators Guidebook</i> (2023 – 2026)

Nota:

Pelaporan bagi **IND 4** berkait dengan pelaporan **IND 9**, **IND 14** dan **IND 16**

OBJEKTIF 1	Memastikan kompetensi tenaga kerja farmasi bagi melaksanakan QIIs adalah mencukupi
INDIKATOR 15	Bilangan pegawai menghadiri kursus <i>Leadership in Quality</i> atau seumpamanya
DEFINISI	Indikator ini bertujuan untuk mengukur tahap pendedahan dan penglibatan pegawai dalam latihan berkaitan kepimpinan dan kualiti, selaras dengan usaha memperkukuh budaya kualiti dan kompetensi kepimpinan dalam organisasi. Kumpulan Sasaran: Semua pegawai yang layak mengikuti latihan dalam organisasi. Contohnya: Pegawai Farmasi, Penolong Pegawai Farmasi, atau kumpulan pengurusan
KRITERIA	Inklusi: 1. Anggota farmasi yang menghadiri pegawai yang telah menghadiri kursus, bengkel, seminar atau latihan yang berkaitan dengan kepimpinan dalam kualiti (<i>Leadership in Quality</i>), termasuk program pembangunan kepimpinan, pengurusan kualiti, atau latihan berkaitan peningkatan mutu perkhidmatan dalam organisasi. 2. Kursus yang diambil kira termasuk yang dianjurkan secara dalaman atau luaran, sama ada secara fizikal atau dalam talian, dan mempunyai elemen kepimpinan dalam kualiti, pengurusan perubahan, strategi peningkatan kualiti atau topik-topik berkaitan. Eksklusi: 1. TB
NUMERATOR	Bilangan pegawai menghadiri kursus <i>Leadership in Quality</i> atau seumpamanya dalam tempoh pelaporan
DENOMINATOR	TB
SASARAN	2024: 10% 2025, 2026: Pembangunan modul latihan dan kajian semula sasaran indikator
KEKERAPAN PELAPORAN	Tahunan
SUMBER DATA	1. Program Perkhidmatan Farmasi 2. Senarai kehadiran kursus daripada urus setia latihan/jabatan sumber manusia/HRMIS/Laporan latihan tahunan
RUJUKAN	1. <i>National Policy for Quality in Healthcare</i> (2021)

OBJEKTIF 1	Memastikan kompetensi tenaga kerja farmasi bagi melaksanakan QIIs adalah mencukupi
INDIKATOR 16	Bilangan pegawai yg menghadiri latihan berkaitan harta intelek
DEFINISI	Indikator ini bertujuan untuk mengukur tahap pendedahan dan kefahaman pegawai terhadap aspek perlindungan, pengurusan dan pemerkasaan harta intelek dalam organisasi, terutamanya yang berkaitan dengan inovasi, penyelidikan dan pembangunan.
KRITERIA	Inklusi: 1. Pegawai yang telah menghadiri sebarang bentuk latihan, bengkel, seminar, kursus atau sesi taklimat yang berkaitan dengan harta intelek, termasuk tetapi tidak terhad kepada hak cipta, paten, cap dagangan, reka bentuk perindustrian dan rahsia dagangan. 2. Latihan anjuran dalaman atau luaran, sama ada secara fizikal atau dalam talian berkaitan dengan bidang harta intelek. Eksklusi: 1. TB
NUMERATOR	Bilangan pegawai yang menghadiri latihan berkaitan harta intelek dalam tempoh pelaporan
DENOMINATOR	TB
SASARAN	2024, 2025, 2026: 1
KEKERAPAN PELAPORAN	Tahunan
SUMBER DATA	1. Semua Bahagian di Program Perkhidmatan Farmasi 2. Semua negeri dan institusi 3. Senarai kehadiran latihan daripada urus setia latihan/jabatan sumber manusia/HRMIS/Laporan latihan tahunan
RUJUKAN	1. <i>National Policy for Quality in Healthcare</i> (2021)

Nota:

Pelaporan bagi **IND 4** berkait dengan pelaporan **IND 9, IND 14** dan **IND 16**

PANDUAN INDIKATOR PELAN TINDAKAN PHARMQIIS 2024 - 2026

OBJEKTIF 1	Memastikan kompetensi tenaga kerja farmasi bagi melaksanakan QIIs adalah mencukupi
INDIKATOR 17	Bilangan pegawai rujukan (<i>Champion</i>) dilantik
DEFINISI	Pegawai rujukan atau <i>champion</i> berperanan sebagai sumber rujukan teknikal atau strategik dalam bidang khusus, serta bertindak sebagai pemudah cara dan penggerak kepada inisiatif berkaitan. Pelantikan di peringkat Program adalah untuk memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada pegawai yang aktif dalam melaksanakan QIIs sebagai <i>champion</i> atau tokoh di peringkat kebangsaan. Pemilihan <i>champion</i> adalah merujuk kriteria yang ditetapkan dan berdasarkan pencalonan negeri atau pencalonan pegawai sendiri. Pengiktirafan ini diberikan dalam majlis rasmi. Pelantikan di peringkat negeri adalah untuk membantu proses/aktiviti pembudayaan QIIs berdasarkan kriteria yang ditetapkan di peringkat negeri atau adaptasi kriteria Program. Pihak negeri boleh melantik <i>champion</i> secara pentadbiran (surat) atau majlis rasmi di peringkat negeri.
KRITERIA	Inklusi: 1. Anggota farmasi yang diberikan pengiktirafan di peringkat negeri, Program, Kementerian, atau antarabangsa 2. Pengiktirafan memenuhi pemetaan QIIs dalam NPQH Eksklusi: 1. Surat lantikan sebagai <i>trainer</i> atau pelatih 2. Credentialing atau Pensijilan berkaitan skop kerja rasmi
NUMERATOR	Bilangan pegawai rujukan (<i>Champion</i>) dilantik
DENOMINATOR	TB
SASARAN	2024: 2 2025, 2026: 1 – 2 (mengikut kapasiti negeri / institusi)
KEKERAPAN PELAPORAN	Tahunan
SUMBER DATA	1. Semua Bahagian di Program Perkhidmatan Farmasi 2. Semua negeri dan institusi 3. Rekod pelantikan rasmi / surat pelantikan / senarai pegawai champion oleh jabatan/unit berkaitan
RUJUKAN	1. <i>National Policy for Quality in Healthcare</i> (2021) 2. <i>NPQH Strategic Priorities Indicators Guidebook</i> (2023 – 2026)

OBJEKTIF 2	Memperkuhkan kebolehlaksanaan bakat dalam peningkatan kualiti
INDIKATOR 18	Peratus fasiliti melaksanakan QIIs
DEFINISI	Indikator bertujuan untuk mengukur tahap penglibatan fasiliti dalam melaksanakan inisiatif penambahbaikan kualiti secara aktif dan berterusan sebagai sebahagian daripada budaya kualiti organisasi.
KRITERIA	Inklusi: 1. Fasiliti yang beroperasi secara aktif dalam tempoh pelaporan 2. Fasiliti yang berada di bawah skop pemantauan program/negeri yang ditetapkan 3. QIIs yang aktif dan tidak melebihi 3 tahun daripada tempoh projek mula dilaksanakan 4. QIIs yang dilaksanakan mestilah mengikut pemetaan QIIs dalam NPQH Eksklusi: 1. Fasiliti yang tidak beroperasi atau ditutup sementara dalam tempoh pelaporan 2. Fasiliti yang tidak berada di bawah skop pemantauan program/negeri 3. QIIs yang berstatus 5 (batal) atau melebihi 3 tahun daripada tempoh projek mula dilaksanakan 4. Aktiviti yang tidak memenuhi ciri-ciri QIIs (contoh: aktiviti biasa harian, audit rutin tanpa tindakan susulan, atau aktiviti tanpa pendekatan sistematik)
NUMERATOR	Bilangan fasiliti yang melaksanakan sekurang-kurangnya satu QIIs
DENOMINATOR	Jumlah fasiliti keseluruhan
SASARAN	2024, 2025 ,2026: 70%
KEKERAPAN PELAPORAN	Tahunan
SUMBER DATA	1. Semua Bahagian di Program Perkhidmatan Farmasi 2. Semua negeri dan institusi
RUJUKAN	1. <i>National Policy for Quality in Healthcare</i> (2021)

OBJEKTIF 2	Memperkukuh kebolehlaksanaan bakat dalam peningkatan kualiti
INDIKATOR 19	Bilangan bengkel penulisan QIIs dilaksana
DEFINISI	Bengkel yang dianjurkan bagi tujuan meningkatkan kemahiran pegawai dalam menyediakan dokumen penulisan projek QIIs yang berkualiti dan menepati format yang ditetapkan.
KRITERIA	Inklusi: 1. Bengkel yang dijalankan secara formal, berjadual dan mempunyai objektif khusus berkaitan penulisan QIIs 2. Penganjuran melibatkan fasilitator atau penceramah yang berpengalaman dalam bidang QIIs 3. Bengkel yang merangkumi aspek seperti struktur laporan QIIs, penulisan objektif, metodologi, analisis data dan hasil intervensi Eksklusi: 1. Sesi taklimat umum atau ceramah tanpa komponen latihan penulisan 2. Bengkel berkaitan QIIs yang tidak merangkumi aspek penulisan projek secara langsung
NUMERATOR	Bilangan bengkel penulisan QIIs dilaksana
DENOMINATOR	TB
SASARAN	2024, 2025, 2026: 1
KEKERAPAN PELAPORAN	Tahunan
SUMBER DATA	1. Bahagian Dasar & Perancangan Strategik Farmasi 2. Rekod penganjuran bengkel, surat jemputan, laporan aktiviti, senarai kehadiran, dokumentasi program latihan
RUJUKAN	1. <i>National Policy for Quality in Healthcare</i> (2021) 2. <i>NPQH Strategic Priorities Indicators Guidebook</i> (2023 – 2026) 3. <i>Guidelines for Authors Journal of Pharmacy Quality Improvement Initiatives</i> (PharmQIIs)

OBJEKTIF 2	Memperkuhkan kebolehlaksanaan bakat dalam peningkatan kualiti
INDIKATOR 20	Peratus Negeri/Institusi laksana sistem <i>coaching</i> dalam pelaksanaan QIIs
DEFINISI	Sistem <i>coaching</i> QIIs merujuk kepada pendekatan bimbingan yang berstruktur, berterusan dan didokumentasikan oleh pegawai berpengalaman (<i>coach/champion</i>) kepada pasukan pelaksana QIIs di peringkat negeri/fasiliti. Sistem ini bertujuan membina keupayaan dalaman, menyokong pelaksanaan QIIs yang berkualiti, membudayakan pembelajaran berterusan serta memastikan keseragaman standard dan metodologi QIIs di seluruh fasiliti.
KRITERIA	Inklusi: 1. Negeri/institusi melaksanakan sistem <i>coaching</i> QIIs secara rasmi dan terancang (melalui pelan tindakan, jadual, atau laporan berkala) 2. <i>Coaching</i> dikendalikan oleh pegawai yang terlatih atau berpengalaman dalam QI (sebagai jurulatih, fasilitator, mentor atau <i>champion</i> QIIs) 3. <i>Coaching</i> dilaksanakan secara interaktif bersama pasukan pelaksana QIIs, sama ada secara fizikal atau maya. 4. Mempunyai dokumentasi atau bukti pelaksanaan yang sah seperti laporan sesi, senarai kehadiran, atau bahan bimbingan Eksklusi: 1. Aktiviti yang berbentuk taklimat sahaja tanpa elemen bimbingan yang berstruktur dan berterusan 2. Tiada bukti pelaksanaan atau dokumentasi rasmi <i>coaching</i> 3. <i>Coaching</i> dijalankan secara <i>ad hoc</i> tanpa perancangan atau struktur yang jelas
NUMERATOR	Bilangan negeri/institusi yang melaksanakan sistem <i>coaching</i>
DENOMINATOR	Bilangan negeri/institusi yang dipantau
SASARAN	2024: <i>Baseline</i> 2025, 2026: 60% atau sekurang-kurang 10 negeri/institusi laksana sistem <i>coaching</i> yang aktif
KEKERAPAN PELAPORAN	Tahunan
SUMBER DATA	1. Semua negeri dan institusi 2. Laporan pelaksanaan QIIs, laporan aktiviti <i>coaching</i>, jadual bimbingan rasmi, pelan pembangunan QIIs, sistem pemantauan dalaman
RUJUKAN	1. <i>National Policy for Quality in Healthcare</i> (2021)